

**UNDANG-UNDANG KECIL
LEMBAGA PELABUHAN JOHOR
(TANJUNG PELEPAS)
(PEMALIMAN) 2000**

a ja.

UNDANG-UNDANG KECIL LEMBAGA PELABUHAN JOHOR (TANJUNG PELEPAS) (PEMALIMAN) 2000

UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-
undang
kecil

1. Nama dan permulaan kuat kuasa.
2. Pemakaian.
3. Tafsiran.
4. Pegawai yang bertanggungjawab.
5. Pegawai diberi kuasa.
6. Malim hendaklah mematuhi Undang-Undang Kecil dan perintah.
7. Latihan bagi malim.
8. Malim hendaklah memahirkan diri dengan undang-undang dan pelan terbaru.
9. Malim hendaklah memakai pakaian seragam.
10. Malim hendaklah membawa lesen.
11. Malim hendaklah naik dan turun dari vesel di Tempat Mendarat Malim.
12. Malim boleh menaiki vesel yang memamerkan isyarat kuarantin antarabangsa.
13. Waktu bagi malim menaiki vesel.
14. Malim hendaklah berkelakuan baik.
15. Malim hendaklah menunggu di atas vesel.
16. Tempoh menunggu vesel yang hendak masuk.
17. Berjaga-jaga dan berhati-hati untuk mengelakkan kemalangan.
18. Malim hendaklah mengemukakan laporan kemalangan.
19. Keengganan malim untuk mengarah vesel.
20. Vesel yang pengarahannya diambil alih oleh nakhoda.
21. Pengendalian yang selamat.
22. Vesel yang terlebih beban.
23. Laporan tentang kerosakan pelampung dan lampu isyarat.
24. Laporan tentang penghalang di dalam atau perubahan kepada jaluan.
25. Perkhidmatan hendaklah disempurnakan.
26. Perakuan untuk perkhidmatan pemaliman.

Undang-
undang
kecil

27. Rekod mengenai vesel yang dimalim.
28. Malim hendaklah hadir di hadapan Jawatankuasa Pemaliman.
29. Pelanggaran Akta dan Undang-Undang Kecil.
30. Orang yang tidak dibenarkan tidak boleh mengiringi malim.
31. Ketidakhadiran daripada tugas.
32. Pelepasan tugas kerana kemalangan, dsb.
33. Peralatan hendaklah dijaga supaya berkeadaan baik,
34. Syarat-syarat Jawatankuasa Pemaliman tentang had malim.
35. Malim tidak boleh mabuk, hendaklah ekun dan boleh dipercayai.
36. Malim tidak boleh menyebabkan vesel terkandas.
37. Tindakan tatatertib.
38. Undang-Undang Kecil sebagai tambahan kepada kaedah-kaedah lain.

UNDANG-UNDANG KECIL LEMBAGA PELABUHAN JOHOR (TANJUNG PELEPAS) (PEMALIMAN) 2000*

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 290 Akta Lembaga Pelabuhan 1963, Lembaga Pelabuhan Johor (Tanjung Pelepas), dengan kelulusan Menteri, membuat undang-undang kecil yang berikut:

1. Nama dan permulaan kuat kuasa.

(1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Johor (Tanjung Pelepas) (Pemaliman) 2000**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 18 Disember 2000.

2. Pemakaian.

Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai di dalam Daerah Pemaliman Pelabuhan Tanjung Pelepas yang diisyiharkan dalam P.U.(B) 388/99 yang disiarkan dalam *Warta* pada 7 Oktober 1999.

3. Tafsiran.

Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Lembaga” ertinya Lembaga Pelabuhan Johor (Tanjung Pelepas) yang ditubuhkan di bawah seksyen 2 Akta;

“malim” ertinya—

(a) malim yang diambil bekerja oleh Lembaga di bawah seksyen 29c Akta;

(b) pekerja pengendali berlesen yang dilesenkan untuk memalim vesel di dalam Daerah Pemaliman menurut subseksyen 29ca(1) Akta; dan

(c) orang yang diberi kuasa di bawah subseksyen 29cb(2) Akta untuk memalim vesel yang melalui Daerah Pemaliman;

“pegawai diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Lembaga di bawah perenggan 5(1);

“pegawai yang bertanggungjawab” ertinya pegawai yang dilantik di bawah undang-undang kecil 4;

*Diterbitkan sebagai PU(A) 466/2000.

"pelabuhan" ertinya Pelabuhan Tanjung Pelepas di dalam had kawasan yang diisyiharkan di bawah seksyen 6 Ordinan Perkapalan Saudagar 1952;

"pengendali berlesen" ertinya pengendali pelabuhan yang dilesenkan di bawah Bahagian III Akta Pelabuhan-Pelabuhan (Penswastaan) 1990;

"Tempat Mendarat Malim" ertinya tempat seseorang malim naik atau turun dari sesuatu vesel bagi maksud memalim vesel itu ke mana-mana tempat yang ditentukan oleh Lembaga.

4. Pegawai yang bertanggungjawab.

Lembaga boleh melantik seorang pegawai, dengan apa jua gelaran jawatan, yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi pengurusan dan pengawasan tata kelakuan malim di dalam Daerah Pemaliman khususnya dan bagi pelaksanaan Undang-Undang Kecil ini amnya.

5. Pegawai diberi kuasa.

(1) Lembaga boleh memberi kuasa apa-apa bilangan mana-mana pegawai bagi maksud-maksud Undang-Undang Kecil ini.

(2) Pegawai yang bertanggungjawab boleh mengeluarkan arahan kepada pegawai diberi kuasa.

(3) Pegawai diberi kuasa adalah bertanggungjawab kepada pegawai yang bertanggungjawab.

6. Malim hendaklah mematuhi Undang-Undang Kecil dan perintah.

Tiap-tiap malim hendaklah mematuhi Undang-Undang Kecil ini dan hendaklah menurut dan melaksanakan segala perintah yang diberikan oleh pegawai yang bertanggungjawab dan pegawai diberi kuasa.

7. Latihan bagi malim.

Tiap-tiap malim adalah dikehendaki menjalani latihan mengikut jadual latihan sebagaimana yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pemaliman dari semasa ke semasa.

8. Malim hendaklah memahirkan diri dengan undang-undang dan pelan terbaru.

Tiap-tiap malim hendaklah memahirkan diri dengan dan mematuhi segala undang-undang bertulis dan arahan-arahan yang berhubungan dengan tugas-tugasnya dan hendaklah mengkaji, dan membiasakan dirinya dengan, pelan dan carta pelabuhan yang terbaru dan maklumat lain berkaitan dengan pelabuhan.

9. Malim hendaklah memakai pakaian seragam.

Tiap-tiap malim hendaklah memakai pakaian seragam yang ditetapkan oleh Lembaga semasa bertugas.

10. Malim hendaklah membawa lesen.

Tiap-tiap malim hendaklah membawa lesennya dan apa-apa dokumen lain sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab semasa bertugas dan hendaklah membenarkan lesen dan dokumen itu diperiksa oleh nakhoda vesel yang mengambilnya bekerja.

11. Malim hendaklah naik dan turun dari vesel di Tempat Mendarat Malim.

Tiap-tiap malim hendaklah menaiki vesel yang hendak masuk dan turun dari vesel yang hendak keluar di Tempat Mendarat Malim melainkan jika diarahkan selainnya oleh pegawai yang bertanggungjawab atau seseorang pegawai diberi kuasa.

12. Malim boleh menaiki vesel yang memamerkan isyarat kuarantin antarabangsa.

Seseorang malim boleh menaiki mana-mana vesel yang memamerkan isyarat kuarantin antarabangsa bagi maksud memalim vesel itu ke Tempat Labuhan Kuarantin dan malim itu hendaklah membenarkan dirinya disuntik atau dikenakan langkah-langkah kuarantin yang lain mengikut kehendak keadaan.

13. Waktu bagi malim menaiki vesel.

Apabila pemunya, nakhoda atau ejen sesuatu vesel menghendaki perkhidmatan seorang malim untuk menggerakkan vesel itu pada suatu waktu yang diluluskan oleh pegawai yang bertanggungjawab atau seseorang pegawai diberi kuasa, malim itu hendaklah menaiki vesel itu pada waktu itu.

14. Malim hendaklah berkelakuan baik.

Tiap-tiap malim hendaklah berkelakuan baik terhadap pemunya, nakhoda dan pegawai-pegawai mana-mana vesel di bawah jagaannya.

15. Malim hendaklah menunggu di atas vesel.

(1) Apabila seseorang malim menaiki sesuatu vesel menurut suatu perintah atau permintaan untuk perkhidmatan pemaliman, dan mendapati bahawa vesel itu belum bersedia untuk bergerak, dia hendaklah menunggu di atasnya bagi tempoh maksimum selama satu jam.

(2) Jika vesel itu tidak bersedia di akhir tempoh satu jam itu, perintah atau permintaan itu hendaklah disifatkan terbatal.

(3) Jika sesuatu perintah atau permintaan untuk perkhidmatan pemaliman terbatal di bawah perenggan (2), pemunya, nakhoda atau ejen vesel itu hendaklah mendapatkan waktu yang baru daripada pegawai yang bertanggungjawab atau seseorang pegawai diberi kuasa dan meminta perkhidmatan pemaliman yang baru.

16. Tempoh menunggu vesel yang hendak masuk.

(1) Malim yang menunggu vesel yang hendak masuk yang jangka waktunya ketibaan vesel itu telah disahkan hendaklah menunggu bagi tempoh maksimum selama satu jam di Tempat Mendarat Malim.

(2) Walau apa pun perenggan (1), jika malim melihat vesel itu selepas tempoh maksimum satu jam atau jika malim menerima pengesahan tentang ketibaan vesel itu selepas tempoh maksimum itu, malim hendaklah terus berada di Tempat Mendarat Malim dan selepas itu memalim vesel arah ke dalam, dan perkhidmatan yang diberikan selepas tempoh maksimum itu hendaklah disifatkan sebagai tindakan ke atas permintaan yang baru.

17. Berjaga-jaga dan berhati-hati untuk mengelakkan kemalangan.

Tiap-tiap malim hendaklah berjaga-jaga dan berhati-hati untuk mengelakkan apa-apa kemalangan atau kerosakan sama ada kepada vesel yang dimalimnya atau kepada mana-mana vesel lain atau apa-apa jenis harta dan tidak boleh menyebabkan halangan atau gangguan kepada pelayaran vesel-vesel lain di dalam mana-mana laluan yang boleh dilayari.

18. Malim hendaklah mengemukakan laporan kemalangan.

Jika apa-apa kemalangan berlaku semasa vesel sedang diarah oleh seseorang malim, dia hendaklah dengan segera melaporkannya kepada pegawai yang bertanggungjawab atau seseorang pegawai diberi kuasa dan mengemukakan suatu laporan bertulis dalam masa dua puluh empat jam daripada berlakunya kemalangan itu.

19. Keengganan malim untuk mengarah vesel.

Mana-mana malim yang enggan mengarah mana-mana vesel semasa bertugas hendaklah dengan segera mengemukakan alasan bagi keengganannya kepada pegawai yang bertanggungjawab dan mengemukakan suatu laporan bertulis dalam masa dua puluh empat jam daripada keengganannya itu.

rintah atau

pemaliman
hendaklah
jawab atau
iman yang

igka waktu
maksimum

itu selepas
ian tentang
erus berada
dalam, dan
h disifatkan

langan.

engelakkan
limilimnya
tidak boleh
sel lain di

h seseorang
gawai yang
gemukakan
berlakunya

asa bertugas
nya kepada
ran bertulis

20. Vesel yang pengarahannya diambil alih oleh nakhoda.

Tiap-tiap malim yang berada di atas vesel yang pengarahannya diambil alih oleh nakhoda vesel itu kerana apa-apa sebab hendaklah memperoleh suatu pernyataan bertulis mengenainya daripada nakhoda vesel itu.

21. Pengendalian yang selamat.

Apabila seseorang malim yang mengambil alih pengarahan sesuatu vesel mendapati bahawa kerana apa-apa sebab vesel itu tidak layak untuk meneruskan perjalanan dalam keadaannya yang sedia ada, dia boleh enggan meneruskan perkhidmatan yang telah ditugaskan kepadanya dan boleh melabuhkan atau selainnya mengikat dengan kemas vesel itu dengan seberapa selamat yang boleh mengikut undang-undang kecil dan peraturan-peraturan yang berkenaan yang sedang dikuatkuasakan oleh Lembaga dan pihak-pihak berkuasa lain yang berkaitan.

22. Vesel yang terlebih beban.

Jika seseorang malim mendapati bahawa vesel yang sedang diarahnya ternyata terlebih beban, dia hendaklah dengan segera melaporkan tentang kelebihan beban itu kepada pegawai yang bertanggungjawab atau seseorang pegawai diberi kuasa, dan dia tidak boleh mengambil alih pengarahan vesel itu melainkan jika diarahkan selainnya.

23. Laporan tentang kerosakan pelampung dan lampu isyarat.

Tiap-tiap malim hendaklah dengan seberapa segera yang boleh dilaksanakan membuat laporan kepada pegawai yang bertanggungjawab atau seseorang pegawai diberi kuasa jika dia mendapati atau mempunyai apa-apa sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana pelampung terkeluar daripada kedudukan sebenarnya atau tidak dinyalakan atau telah hanyut atau rosak atau hilang atau jika dia melihat apa-apa yang tidak kena atau cacat pada mana-mana lampu isyarat.

24. Laporan tentang penghalang di dalam atau perubahan kepada laluan.

Tiap-tiap malim hendaklah melaporkan kepada pegawai yang bertanggungjawab atau seseorang pegawai diberi kuasa jika dia melihat apa-apa penghalang di dalam atau perubahan kepada mana-mana laluan atau apa-apa kelainan atau yang kelihatan lain pada mana-mana tanda daratan.

25. Perkhidmatan hendaklah disempurnakan.

(1) Walau apa pun undang-undang kecil 11, tiap-tiap malim yang sedang mengarah sesuatu vesel yang hendak keluar hendaklah berada di atas vesel itu sehingga perkhidmatan yang ditugaskan kepadanya itu disempurnakan dan nakhoda bersetuju untuk meneruskan pengarahan vesel itu.

(2) Tiap-tiap malim yang sedang mengarah sesuatu vesel yang hendak masuk hendaklah berada di atas vesel itu sehingga perkhidmatan yang ditugaskan kepadanya itu disempurnakan dan vesel itu dilabuhkan, ditambatkan atau selainnya diikat dengan kemas sehingga memuaskan hati nakhoda.

26. Perakuan untuk perkhidmatan pemaliman.

Tiap-tiap malim hendaklah, sebelum meninggalkan vesel yang dimalim atau diiringi olehnya, mendapatkan suatu perakuan yang ditandatangani oleh nakhoda vesel itu yang hendaklah mengandungi apa-apa butir yang dikehendaki oleh pengendali berlesen dan hendaklah menyerahkan perakuan itu kepada pegawai yang bertanggungjawab atau seseorang pegawai diberi kuasa dalam masa dua puluh empat jam selepas perkhidmatannya disempurnakan.

27. Rekod mengenai vesel yang dimalim.

Tiap-tiap malim hendaklah menyimpan suatu rekod mengenai vesel yang dimalim olehnya yang hendaklah mengandungi apa-apa maklumat sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab dari semasa ke semasa dan hendaklah mengemukakan rekod itu kepada pegawai yang bertanggungjawab atau seseorang pegawai diberi kuasa untuk diperiksa pada bila-bila masa.

28. Malim hendaklah hadir di hadapan Jawatankuasa Pemaliman.

Tiap-tiap malim hendaklah hadir di hadapan Jawatankuasa Pemaliman apabila diarahkan untuk berbuat demikian oleh Pengurus Jawatankuasa itu.

29. Pelanggaran Akta dan Undang-Undang Kecil.

Tiap-tiap malim yang membuat laporan terhadap mana-mana vesel kerana apa-apa pelanggaran terhadap mana-mana peruntukan Akta atau Undang-Undang Kecil ini hendaklah mengemukakan laporannya itu dalam bentuk yang dikehendaki oleh pegawai yang bertanggungjawab.

30. Orang yang tidak dibenarkan tidak boleh mengiringi malim.

Seseorang malim tidak boleh membenarkan mana-mana orang atau apa-apa barang-barang dibawa ke atas sesuatu vesel dari lancaran malim atau membenarkan mana-mana orang atau apa-apa barang dibawa ke darat dengan menggunakan lancaran malim dari vesel itu kecuali orang atau barang yang dibenarkan oleh pegawai yang bertanggungjawab atau seseorang pegawai diberi kuasa.

31. Ketidakhadiran daripada tugas.

Seseorang malim tidak boleh tidak hadir untuk tugas pemaliman melainkan jika dia dibenarkan berbuat demikian oleh pegawai yang bertanggungjawab.

32. Pelepasan tugas kerana kemalangan, dsb.

(1) Mana-mana malim yang tidak boleh menjalankan tugasnya dengan cekap kerana ditimpa kemalangan, sakit atau apa-apa kecacatan pada penglihatannya atau apa-apa ketidakupayaan fizikal atau terlibat dalam suatu kemalangan semasa sedang mengarahkan mana-mana vesel boleh dilepaskan daripada tugas oleh pegawai yang bertanggungjawab sehingga ke suatu masa yang malim itu disahkan sihat dari segi perubatan atau sehingga ke suatu masa bila mana Jawatankuasa Pemaliman memutuskan bahawa dia boleh meneruskan tugasnya.

(2) Tiap-tiap malim hendaklah memaklumkan kepada pegawai yang bertanggungjawab tentang apa-apa kesakitan atau apa-apa kecacatan pada penglihatannya atau apa-apa ketidakupayaan fizikal yang boleh menjelaskan keupayaannya untuk menjalankan tugasnya dengan cekap.

(3) Tiap-tiap malim hendaklah menghadiri pemeriksaan perubatan dan ujian mata setiap tiga tahun di klinik yang diluluskan oleh Lembaga atau bila-bila yang difikirkan perlu oleh pegawai yang bertanggungjawab.

33. Peralatan hendaklah dijaga supaya berkeadaan baik.

Tiap-tiap malim hendaklah memastikan bahawa semua alat komunikasi yang diberikan kepadanya dijaga supaya berkeadaan baik dan arahan-arahan yang diberikan tentang penggunaannya dipatuhi.

34. Syarat-syarat Jawatankuasa Pemaliman tentang had malim.

Tiap-tiap malim yang dikenakan had pemaliman hendaklah mematuhi kehendak dalam lesennya yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pemaliman di bawah seksyen 29CA atau 29H Akta atau kehendak yang ditetapkan oleh Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan.

35. Malim tidak boleh mabuk, hendaklah tekun dan boleh dipercayai.

Tiap-tiap malim tidak boleh mabuk dan hendaklah tekun dan boleh dipercayai semasa bertugas.

36. Malim tidak boleh menyebabkan vesel terkandas.

Walau apa pun undang-undang kecil 6, 21 dan 22, seseorang malim tidak boleh meletakkan mana-mana vesel dalam kedudukan yang boleh menyebabkan vesel itu terkandas atau mungkin terkandas semasa mana-mana peringkat pasang surut air tanpa suatu perintah bertulis dari pemunya, nakhoda atau ejen vesel itu.

37. Tindakan tatatertib.

Apa-apa pelanggaran mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini oleh mana-mana malim hendaklah disifatkan suatu salah laku dan boleh menyebabkan malim itu dikenakan tindakan tatatertib di bawah Akta.

38. Undang-Undang Kecil sebagai tambahan kepada kaedah-kaedah lain.

Undang-Undang Kecil ini adalah sebagai tambahan kepada dan tidaklah boleh disifatkan dalam apa-apa keadaan pun mengurangkan mana-mana kaedah lain yang dibuat di bawah seksyen 15 Akta.

Dibuat 4 Disember 2000.

DATUK HAJI MOHD. ALI BIN HASAN
Pengerusi
Lembaga Pelabuhan Johor (Tanjung Pelepas)

Diluluskan 9 Disember 2000.

DATO' SERI DR. LING LIONG SIK
Menteri Pengangkutan

